



NEGERI SABAH

[No. Bil:JKM.C.102/13 BHG. VII/80]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 2/1988

PENGISYTIHARAN KAWASAN HIDUP SUSAH

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini ialah untuk mengisytiharkan sebilangan lagi kawasan-kawasan hidup susah sebagai tambahan pada kawasan-kawasan yang telahpun dimasukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 4/1982 dan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 3/1986.
- 1.2 Pekeliling Perkhidmatan ini tidak menggantikan Lampiran II, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 4/1982 dan Lampiran I, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 3/1986.

2. PINDAAN KEPADA PERINTAH AM NEGERI SABAH 47, BAHAGIAN B

- 2.1 Kerajaan telah bersetuju supaya kemudahan perhubungan diambilkira untuk menentukan kedudukan sesuatu kawasan sebagai kawasan hidup susah. Oleh itu, kemudahan-kemudahan seperti ditetapkan dalam PANS. 47, Bahagian B adalah dipinda seperti berikut:
 - “47 (a) Rumah Kerajaan (Standard Staff Quarters);
 - (b) Bekalan Air Paip;
 - (c) Bekalan Tenaga Elektrik;
 - (d) Kemudahan Persekolahan;
 - (e) Kemudahan Perubatan; atau
 - (f) Kemudahan Perhubungan.”
- 2.2 Kelayakan untuk diisytiharkan sebagai sesuatu kawasan hidup susah ialah dengan syarat kawasan tersebut tidak mempunyai tiga daripada enam kemudahan asas yang ditetapkan itu.
- 2.3 Pindaan yang sewajarnya kepada PANS. 47, Bahagian B, Perintah Am Negeri Sabah, 1982 akan dibuat dengan kuatkuasa ke belakang mulai tarikh kuatkuasa Pekeliling Perkhidmatan ini.

3. SYARAT PEMBAYARAN

- 3.1 Pegawai-pegawai yang bertugas dan terpaksa tinggal di kawasan-kawasan yang telah diisytiharkan sebagai Kawasan Hidup Susah layak diberi elaun hidup susah mengikut kadar yang ditetapkan dalam PANS. 47, Babagian B.
- 3.2 Seseorang pegawai yang bertugas di sesuatu Kawasan Hidup Susah tetapi tidak tinggal di dalam kawasan tersebut tidak layak diberi elaun hidup susah. Walau bagaimanapun, jika

seseorang pegawai itu terpaksa tinggal di luar Kawasan Hidup Susah itu atas sebab-sebab yang munasabah, pembayaran elaun hidup susah boleh dipertimbangkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Permohonan seperti ini hendaklah dikemukakan oleh Ketua Jabatan yang berkenaan.

4. KAWASAN HIDUP SUSAH - TAHUN 1989

Kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan Hidup Susah bagi tahun 1989 adalah seperti yang terdapat dalam Lampiran I.

5. PELAKSANAAN

5.1. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1989.

5.2. Pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan ini mendapat persetujuan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Cawangan Sabah dan pihak Pejabat Kewangan Persekutuan, Sabah.

6. KAJIAN SEMULA SENARAI KAWASAN HIDUP SUSAH

6.1. Senarai Kawasan Hidup Susah yang diisytiharkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 4/1982, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/1986 dan Pekeliling Perkhidmatan ini akan dikaji, dari semasa ke semasa untuk memastikan semua kawasan yang diisytiharkan itu adalah kawasan yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan yang ditetapkan dalam PANS. 47, Bahagian B.

6.2. Sekiranya sesuatu kawasan tidak lagi layak dikekalkan sebagai kawasan hidup susah kerana kemajuan dalam kawasan itu, Ketua Jabatan atau Pegawai Daerah yang berkenaan hendaklah memberitahu Jabatan ini dengan secepat mungkin.

7. PERLUASAN PEMAKAIAN

7.1. Pihak Badan-badan Berkanun adalah dibenarkan memakai peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Pekeliling Perkhidmatan ini.

8. AM

Jika terdapat sebarang keraguan, pertanyaan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Gaji, Elaun dan Pencen, Pejabat Perjawatan Negeri, Jabatan Ketua Menteri.

(DATUK SIMON SIPAUN)

Setiausaha Kerajaan Negeri

JABATAN KETUA MENTERI,

88502 KOTA KINABALU.

Tarikh: 17 Disember 1988

s.k. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Awam Cawangan Sabah,
Tingkat 6, Blok E, Kompleks KUWASA,
88000 KOTA KINABALU.

Pegawai Kewangan Persekutuan, Sabah
88592 KOTA KINABALU.

Bendahari Negeri
88595 KOTA KINABALU.

Diedarkan kepada :
Semua Setiausaha Tetap,
Semua Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan,
Semua Pengurus Besar, Badan-Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan.

KAWASAN HIDUP SUSAH YANG DIISYTIHARKAN MULAI 1.1.1989

<i>Daerah / Daerah Kecil</i>	<i>Bil.</i>	<i>Kawasan</i>
1. Banggi	1	Sabur
2. Beaufort	1	Lubok
	2	Batu 60
	3	Bangkalalak
	4	Kebulu
3. Beluran	1	Tagas Tagas *
	2	Terusan Sugut
	3	Sungai Sungai
	4	Buis Telupid
	5	Sungai Nangka
	6	Malalin
	7	Kg. Tetabuan
	8	Tampat
4. Keningau	1	Kapayan Baru
	2	Gaulan
	3	Ambual
	4	Meninipir
	5	Senagang
	6	Bunga Raya.
	7	Rancangan Biah
5. Kinabatangan	1	Buang Sayang
	2	Linayukan
6. Kota Belud	1	Bangkahak Baru
	2	Tamau.
	3	Nanamun
7. Kota Marudu	1	Mengaris
	2	Tumunda. Salfinandut
8. Kudat	1	Tinangol
	2	Parapat Darat
	3	Tiga Papan
	4	Lokoton
	5	Dualog
	6	Bangau
	7	Pinawantai
	8	Lodung
	9	Pata
9. Labad Datu	1	Sri Darun
	2	Tabin
10. Membakut	1	Lembah Poring

<i>Daerah / Daerah Kecil</i>	<i>Bil.</i>	<i>Kawasan</i>
11. Ranau	1	Matupang
	2	Kinirasan
	3	Langsat
	4	Kg. Tampios
	5	Kamburongoh
12. Sandakan	4	Togop Darat
	1	Kg. Padas
	2	Pulau Lubukan
	3	Tg. Pisau
	4	Sg. Man: Ia
	5	Rancangan Lubukan
	6	Scmawang
	7	Gum-Gum Kecil
	8	Mumiang
9	Pulau Timbang	
13. Semporna	1	Pulau Pababag
	2	Pulau Mabul
	3	Pokas
	4	Tongkalloh
	5	Kalumpang
	6	Kg. Labuan Haji
	7	Sumandi
14. Tawau	1	Blok 31 Rancangan Apas Balung
	2	Balung Kokos
	3	Batu 22 Balung
	4	Inderasabah
	5	Panglima Habibullah
	6	Mentadak Baru
	7	Bergosong
15. Tamparuli	1	Wangkod
	2	Rungus
16. Tenom	1	Rayoh
17. Tuaran	1	Kitapol
18. Telupid	1	Bauto
	2	Ansuan
	3	Kiabau
	4	Gabungan
	5	Wonod

* **Telah diisytiharkan sebagai kawasan hidup susah mulai 1 Januari 1986 tetapi tidak termasuk dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 3/1986.**